



SIARAN AKHBAR

BERWASPADA TERHADAP AKTIVITI PENIPUAN YANG MENYALAHGUNAKAN MATA WANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengambil perhatian mengenai aktiviti penipuan kewangan yang sedang beredar di media sosial.
2. Penipuan ini melibatkan video dan gambar yang memaparkan timbunan mata wang Brunei, dan menjanjikan bahawa orang ramai boleh mendapat **“pulangan” yang besar dengan menyertai sesi siaran langsung secara dalam talian**. Taktik ini bertujuan untuk mengelirukan orang ramai dengan mewujudkan harapan palsu mengenai keuntungan kewangan yang mudah dan terjamin.
3. BDCB mengingatkan orang ramai bahawa janji-janji sedemikian adalah tidak sah. Tiada skim yang dapat menjamin keuntungan tanpa usaha, risiko atau penjelasan yang jelas. Penipu sering menyalahgunakan imej dan video mata wang Brunei untuk menimbulkan keyakinan palsu dan memperdayakan orang ramai untuk menyertai skim mereka.
4. BDCB menasihatkan orang ramai untuk:
 - i. Berwaspada terhadap tawaran yang indah khabar dari rupa.
 - ii. Tidak sesekali berkongsi maklumat peribadi atau kewangan dengan akaun yang meragukan.
 - iii. Sentiasa melaporkan aktiviti penipuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
5. Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen. Orang ramai juga boleh memaklumkan pihak BDCB mengenai sebarang entiti/individu yang disyaki menawarkan perkhidmatan kewangan tanpa lesen dengan menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau emel fci@bdcb.gov.bn.
6. BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 11 Rabiulawal 1447H/ 4 September 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

BDCB mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.